

Dikemaskini pada 9 Februari 2021

## HONG LEONG BIZONE SOLUTION TERMA DAN SYARAT (“T&S”)

Terma dan syarat ini hendaklah dibaca bersama-sama sebagai suatu keseluruhan dengan [Terma dan Syarat Am Akaun untuk Deposit dan Deposit Perbankan Islam](#) dan mana-mana terma dan syarat berkenaan yang lain seperti mana ditetapkan oleh **Hong Leong Bank Berhad** (“HLB”) dari semasa ke semasa dengan memberi notis awal **dua puluh satu (21)** hari kalendar, termasuk peraturan-peraturan lain yang terikat ke atas HLB.

Pakej **Hong Leong BizOne Solution** (“**Pakej**”) adalah Akaun Semasa Hong Leong BizOne (“**Akaun**”) yang disertai dengan kemudahan Overdraft opsyenal (melalui permohonan dan perlu bercagarkan Deposit Tetap), Perkhidmatan TT Pertukaran Asing Keutamaan dan SMS (melalui permohonan) yang disediakan mengikut terma dan syarat seperti yang digariskan dalam Terma & Syarat ini.

### Kelayakan

1. Akaun ini adalah akaun semasa konvensional yang terbuka kepada seluruh Keempunyaan Tunggal Malaysia, Perkongsian Tak Diperbadankan, Perkongsian Liabiliti Terhad dan syarikat Sendirian Berhad (iaitu syarikat dengan “Sdn Bhd” pada namanya) dengan Pusing Ganti Jualan Tahunan berjumlah sehingga **Ringgit Malaysia Lima Juta (RM5,000,000)** (“**PKS Mikro Malaysia**”). Pelanggan individu tidak layak membuka atau mengendalikan Akaun ini. PKS Mikro Malaysia yang telah membuka Akaun ini akan dirujuk sebagai “Pemegang Akaun”.
2. Pembukaan Akaun ini adalah tertakluk kepada kehendak-kehendak am HLB mengenai pembukaan akaun semasa konvensional dan deposit permulaan minimum **Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000)**.

### **Kemudahan Overdraft (“OD”) bercagarkan Deposit Tetap (“FD”)**

3. Kemudahan OD bercagarkan FD adalah suatu ciri opsyenal dan hanya boleh didapati jika diluluskan oleh HLB atas permohonan Pemegang Akaun yang hendaklah bercagarkan **Hong Leong BizOne Fixed Deposit** (“**BizOne FD**”) yang diletak oleh Pemegang Akaun dengan HLB pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa atas dasar 1:1 atau apa-apa asas lain dan/atau apa-apa cagaran lain (termasuk letakan FD pihak ketiga) jika diterima oleh HLB dan ditentukan oleh HLB atas budi bicara mutlaknya dengan memberi notis awal kepada Pemegang Akaun.
4. BizOne FD disediakan kepada Pemegang Akaun hanya bagi letakan FD bertempoh **satu (1)** bulan sahaja dengan jumlah letakan minimum **Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000)** sahaja dan pada kadar faedah yang ditetapkan oleh HLB dan boleh diguna untuk mencagarkan Kemudahan OD yang disediakan di bawah Pakej setelah mendapat kelulusan HLB. Letakan deposit dalam BizOne FD boleh dibuat oleh Pemegang Akaun pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa tertakluk kepada kehendak-kehendak yang dinyatakan di dalam ini.
5. Faedah yang diperoleh atas BizOne FD akan dikreditkan ke dalam Akaun pada setiap bulan.
6. Sekiranya Pemegang Akaun memegang FD konvensional sedia ada dan ingin memohon kemudahan OD di bawah Pakej ini, Pemegang Akaun mestilah menarik balik FD konvensional sedia ada dan meletak deposit tersebut ke dalam BizOne FD mengikut terma yang ditetapkan dalam Fasal 4 untuk layak mendapat kemudahan OD di bawah Pakej ini.

7. Had kemudahan OD yang bakal disediakan hendaklah sepadan dengan jumlah pokok letakan BizOne FD yang dibuat oleh Pemegang Akaun dan/atau FD pihak ketiga (jika berkenaan) (asalkan FD itu bukan diletak untuk apa-apa tujuan lain).
8. Melainkan dinyatakan sebaliknya secara khusus dalam Terma & Syarat ini, maka permohonan dan pengendalian BizOne FD dan OD hendaklah selaras dengan Bahagian D (Akaun Deposit Tetap Konvensional) dan Bahagian F (Overdraft/Cashline) Terma dan Syarat Am Akaun bagi Deposit dan Deposit Perbankan Islam.
9. Kemudahan OD akan disediakan kepada Pemegang Akaun apabila syarat-syarat berikut ini dipenuhi dan mendapat kelulusan HLB:
  - (a) letakan BizOne FD mestilah dibuat atas nama Pemegang Akaun atau jika individu pihak ketiga yang menyediakan FD sebagai cagaran, maka FD itu mestilah diletak atas nama individu pihak ketiga tersebut dan diterima oleh HLB menurut budi bicara mutlak HLB (“**Pihak Penyedia Cagaran**”);
  - (b) Pemegang Akaun beraku janji untuk melaksanakan atau memperoleh pelaksanaan Surat Tolak Selesai oleh Pihak Penyedia Cagaran berkaitan, mengikut mana yang berkenaan, mengikut format HLB bagi FD berkaitan;
  - (c) tidak terdapat perubahan ketara pada keadaan Pemegang Akaun atau mana-mana Pihak Penyedia Cagaran atau apa-apa keadaan yang menjelaskan atau berpotensi menjelaskan cagaran HLB yang pada pendapat HLB akan memberi kesan buruk kepada keupayaan HLB atau Pemegang Akaun dan/atau Pihak Penyedia Cagaran lain untuk menunaikan obligasi Pemegang Akaun dan/atau Pihak Penyedia Cagaran di bawah ini dan menurut dokumen-dokumen cagaran lain selaras dengan terma-termanya;
  - (d) Pemegang Akaun dengan ini memberi kuasa tak boleh batal kepada HLB untuk mendebit segala fi dan caj termasuk duti setem fi/kos guaman dan/atau fi pendaftaran bersabit dengan kemudahan OD yang diperoleh di dalam ini daripada Akaun Semasa BizOne sebelum kemudahan OD dapat disediakan kepada Pemegang Akaun; dan
  - (e) Surat Tolak Selesai dan apa-apa dokumen cagaran yang lain (jika ada) berkaitan dengan kemudahan OD telah sempurna dilaksanakan dan/atau disetem dan/atau didaftarkan dengan pihak-pihak bekuasa berkaitan.
10. Amaun OD minimum ialah **Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000)** sehingga maksimum **Ringgit Malaysia Tiga Juta (RM3,000,000)**.
11. Pemegang Akaun bebas memilih mana-mana resit BizOne FD untuk dicagarkan supaya boleh memohon kemudahan OD.
12. Sekiranya Pemegang Akaun tidak lagi memerlukan kemudahan OD, maka Pemegang Akaun boleh meminta pengurangan atau pembatalan kemudahan OD dan memohon supaya dihapuskan penandaan resit BizOne FD terpilih yang berkaitan bagi tujuan pengurangan atau pembatalan tersebut. Pengurangan atau pembatalan tersebut adalah bergantung kepada pelunasan apa-apa amaun belum jelas di bawah kemudahan OD sebelum kemudahan OD itu boleh dikurangkan atau dibatalkan seperti mana diminta oleh Pemegang Akaun.
13. Pemegang Akaun memberi kuasa kepada HLB untuk memperbaharui dari semasa ke semasa dan mengekalkan amaun BizOne FD atau apa-apa bahagiannya pada tarikh matangnya yang berkenaan untuk suatu tempoh tetap atau untuk tempoh tertentu atau mengikut kadar faedah yang difikir wajar oleh HLB atas budi bicara mutlaknya asalkan Akaun itu diselenggara oleh Pemegang Akaun dan sehingga pelunasan penuh dan muktamad segala jumlah wang yang terhutang termasuk faedah dan faedah mungkir pada kadar dan pada tempoh rehat yang dikenakan atau disyaratkan dari semasa ke semasa sama ada berkenaan Akaun atau apa-apa akaun lain yang diselenggara oleh Pemegang Akaun dengan HLB.

14. BizOne FD dan/atau FD yang disediakan oleh individu pihak ketiga dan/atau apa-apa cagaran lain yang diperoleh oleh HLB dari semasa ke semasa dipegang oleh HLB:
  - (i) sebagai cagaran bagi segala wang yang terhutang di bawah kemudahan OD dan bagi Pemegang Akaun menunaikan obligasinya menurut Terma & Syarat ini; dan
  - (ii) akan menjadi cagaran berterusan bagi apa-apa jumlah belum lunas yang Pemegang Akaun terhutang dengan HLB atas Akaun atau apa-apa akaun lain yang dipegang dengan HLB meskipun ada dibuat bayaran perantaraan atau penyelesaian akaun bagi melunaskan apa-apa jumlah yang terhutang dan tanpa menjelaskan apa-apa cagaran lain yang mungkin diperoleh sekarang atau kemudian.
15. Sekiranya Pemegang Akaun memohon untuk menarik balik BizOne FD dan/atau resit FD pihak ketiga yang telah dipilih sebagai cagaran OD, maka dengan itu OD tersebut hendaklah serta-merta dibayar balik kepada HLB dan penarikan balik BizOneFD dan/atau FD pihak ketiga hendaklah mengambil kira penyelesaian apa-apa amaun belum lunas itu di bawah kemudahan OD. Berikutnya itu, HLB berhak dan boleh pada bila-bila masa menolak selesai BizOne FD berkenaan atau FD pihak ketiga daripada jumlah wang yang terhutang oleh Pemegang Akaun di bawah kemudahan OD dan/atau Akaun dan apa-apa liabiliti Pemegang Akaun sebelum melepaskan baki wangnya daripada BizOne FD kepada Akaun, atau dalam hal FD pihak ketiga, kepada pendeposit pihak ketiga.
16. Fi komitmen sebanyak 1.0% setahun akan dikenakan ke atas apa-apa baki kemudahan OD yang belum guna.
17. Kadar faedah yang boleh dikenakan ke atas amaun kemudahan OD yang belum guna adalah berdasarkan kadar faedah kontrak bagi BizOne FD berkenaan atau FD pihak ketiga ditambah 1.0% setahun.
18. Faedah pada kadar lebihan sebanyak 4.0% setahun atas Kadar Pinjaman Asas (“BLR”) atas baki harian atau apa-apa kadar lain yang ditentukan oleh HLB menurut budi bicara mutlaknya pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa, dengan memberi notis awal, hendaklah dibayar bagi segala akaun yang dikeluarkan melebihi had OD yang diluluskan (sebelum dan selepas tuntutan, penghakiman atau perintah dibuat).

#### **Pindahan Bertelegraf (“TT”) Pertukaran Asing Keutamaan (“FOREX”)**

19. Bagi setiap TT Asing Keluar yang dibuat oleh Pemegang Akaun Melalui Kaunter (“OTC”), biar berapa pun amaunnya, Pemegang Akaun akan menikmati kadar FOREX Keutamaan yang ditentukan oleh HLB menurut budi bicara mutlaknya pada bila-bila masa setelah memberi notis awal.

#### **Perkhidmatan Pesanan Ringkas (“SMS”)**

20. Pemegang Akaun layak memohon Perkhidmatan SMS untuk menerima maklumat berikut melalui Pemberitahuan SMS:-
  - (i) Baki akaun harian;
  - (ii) Cek tempatan yang dimasukkan bagi hari berkenaan;
  - (iii) Cek dikembali keluar (cek HLB/HLISB); dan
  - (iv) Pemberitahuan kiriman wang masuk (menerusi Pindahan Bertelegraf dan IBG).
21. Perkhidmatan SMS yang ditawarkan di bawah Pakej ini hanya dihadkan kepada perkhidmatan Pemberitahuan SMS. Peringatan SMS tidak disediakan di bawah Pakej ini.
22. Perkhidmatan SMS dikenakan fi bulanan seperti mana diperuntukkan dalam Terma dan Syarat Perkhidmatan SMS pada kadar yang ditentukan oleh HLB atas budi bicara mutlaknya pada bila-bila



masa dan dari semasa ke semasa dan seperti dipaparkan dalam laman web HLB di [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my).

23. Terma dan Syarat Perkhidmatan SMS hendaklah dibaca bersama-sama dengan terma dan syarat ini sebagai suatu perjanjian keseluruhan untuk permohonan tersebut. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan di antaranya, maka terma dan syarat tertentu di dalam ini hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.

#### **Fi dan Caj**

24. Fi dan caj standard bagi Akaun Semasa, Kiriman Wang, Kadar Ditetapkan, Fi Komitmen dan Kemudahan OD seperti tersebut dalam laman web HLB di [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my) ("HLB Website") hendaklah diguna pakai.

#### **Umum**

25. HLB berhak pada bila-bila masa dengan memberi notis awal **dua puluh satu (21)** hari kalender untuk menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda mana-mana atau kesemua Terma & Syarat dengan cara menyiarinya dalam Laman Web HLB atau dengan apa-apa cara yang HLB anggap sesuai. Pemegang Akaun bersetuju untuk mengakses Laman Web dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma & Syarat untuk memastikan sentiasa mengikuti apa-apa pertukaran atau pindaan kepada Terma & Syarat.

**Dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.**